

Tahap Kesiapan Pembelajaran Sepanjang Hayat Dalam Kalangan Pelajar Semester Akhir Kolej Komuniti Tawau

Nur Angriani binti Nurja
Kolej Komuniti Tawau
nurangriani@gmail.com

Mohd Zulhasnan bin Mat
Kolej Komuniti Tawau
mohdzulhasnan@gmail.com

Chang Vui Seng, Wilson
Kolej Komuniti Sandakan
wilsonchang1978@gmail.com

Abstract

Lifelong Learning plays an important role in improving the quality of life and generating human capital development. Hence, enabling lifelong learning in Malaysia is a paradigm shift that challenges the current development trend. In addition, through lifelong learning, the country is capable of producing a knowledgeable and highly skilled society. The establishment of community colleges aims to support lifelong learning discourse. Community colleges provide open learning and training opportunities to all walks of life regardless of age limits and qualifications. The sample of the study consists of 71 final year students who are currently enrolled in the Community College Certificate (SKK) program in the Electrical, Computer System and Light Vehicle Services and Networking at Community College Tawau, Sabah for the March, 2017 session. Community college emphasizes and strives equipping students with generic skills and ability to face the challenges of various situations after leaving formal education at the Tawau Community College (KKTS) in particular. Hence, this study focuses on the readiness of KKTS students to be able to set goals, improve their knowledge and skills, determine self-direction, find the information needed and adapt the learning strategies in various situations after graduating from Community College Certificate at Community College Tawau. Researchers use the Life-long Learning Questionnaire developed by Kirby et al., (2010) to further explore the readiness for lifelong learning among students in the context of Tawau Community College Sabah. The findings show that the majority of respondents tend to have a high level of readiness after graduating from Tawau Community College.

Abstrak

Pembelajaran Sepanjang Hayat memainkan peranan penting dalam meningkatkan kualiti hidup dan menjana pembangunan modal insan. Justeru, membudayakan pembelajaran sepanjang hayat di Malaysia merupakan satu anjakan paradigma yang mencabar seiring arus perkembangan semasa. Di samping itu, melalui pembelajaran sepanjang hayat, negara mampu melahirkan sebuah masyarakat yang berilmu serta berkemahiran tinggi. Penubuhan kolej komuniti bertujuan untuk mendukung wacana pembelajaran sepanjang hayat. Kolej komuniti memberi peluang pembelajaran dan latihan yang terbuka luas kepada semua lapisan masyarakat tanpa mengira had umur dan kelayakan tertentu. Sampel kajian terdiri daripada 71 orang pelajar semester akhir yang sedang mengikuti program Sijil Kolej Komuniti (SKK) dalam bidang Pemasangan Elektrik, Sistem Komputer dan Rangkaian dan Servis Kenderaan Ringan di Kolej Komuniti Tawau, Sabah bagi sesi pengajian Mac 2017. Kolej komuniti memberi penekanan dan berusaha melengkapkan pelajar-pelajar dengan kemahiran generik dan keupayaan berhadapan dengan cabaran

pelbagai situasi selepas meninggalkan pendidikan formal di Kolej Komuniti Tawau, Sabah (KKTS) khususnya. Lantaran itu, kajian ini memberi penumpuan kepada kesiapan para pelajar KKTS untuk berkemampuan dalam menetapkan matlamat, meningkatkan pengetahuan dan kemahiran yang bersesuaian, menentukan arah sendiri, mencari maklumat yang diperlukan dan adaptasi strategi pembelajaran dalam pelbagai situasi selepas menamatkan pengajian peringkat Sijil Kolej Komuniti di Kolej Komuniti Tawau. Pengkaji menggunakan *Life-long Learning Questionnaire* yang telah dibangunkan oleh Kirby et al., (2010) untuk melihat sejauhmana kesiapan pembelajaran sepanjang hayat di kalangan pelajar dalam konteks Kolej Komuniti Tawau, Sabah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti responden cenderung mempunyai tahap kesiapan pembelajaran sepanjang hayat yang tinggi selepas menamatkan pengajian di Kolej Komuniti Tawau.

Kata kunci: Pembelajaran sepanjang hayat, kesiapan pelajar, Kolej Komuniti Tawau

1. Pendahuluan

Pembelajaran sepanjang hayat (PSH) membolehkan warga Malaysia mendapat ilmu dan kemahiran bersesuaian dengan model ekonomi berpendapatan tinggi. PSH mampu mengembeleng potensi individu yang masih belum berada dalam pasaran kerja menerusi pelbagai peluang meningkatkan kemahiran. PSH juga boleh memupuk minat dan menyemai bakat untuk kehidupan yang lebih bermakna. Menerusi PSH, pendidikan tidak hanya terhad kepada usia muda, tetapi perlu dilanjutkan sepanjang hayat. Pengarusperdanaan dan peluasan akses kepada program TVET dan peningkatan kemahiran tenaga kerja melalui pembelajaran sepanjang hayat menjadi salah satu fokus utama dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10, 2011-2015). Seterusnya, hala tuju Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK11, 2015-2020) akan memperkukuh pembelajaran sepanjang hayat untuk peningkatan kemahiran.

Melihat senario perkembangan ekonomi hari ini, perubahan aktiviti ekonomi yang lebih bergantung kepada penguasaan ilmu pengetahuan akan menambahkan lagi minat pelaburan dalam pembangunan modal insan yang berilmu. Pembelajaran sepanjang hayat sangat relevan dalam arus ekonomi yang berasaskan ilmu pengetahuan. Ini akan menjana pembentukan masyarakat berilmu supaya lebih kompetitif untuk meningkatkan pemerolehan ilmu pengetahuan, kemahiran, dan nilai-nilai positif. Justeru, penubuhan kolej komuniti bertujuan untuk mendukung wacana pembelajaran sepanjang hayat. Kolej komuniti memberi peluang pembelajaran dan latihan yang terbuka luas kepada semua lapisan masyarakat tanpa mengira had umur dan kelayakan tertentu. Kolej komuniti akan berperanan sebagai hab pembelajaran sepanjang hayat Kementerian Pendidikan Tinggi dan seterusnya merealisasikan wacana tersebut.

Pembelajaran sepanjang hayat di Malaysia adalah berkait rapat dengan kebolehpasaran (*employability*) serta produktiviti (*productivity*). Dalam konteks kebolehpasaran membawa maksud keupayaan seseorang graduan untuk mendapatkan pekerjaan. Keupayaan seseorang graduan untuk mendapatkan pekerjaan bukan sahaja ditentukan oleh tahap akademik dan

kemahiran teknik yang dimiliki oleh seseorang graduan, tetapi juga ditentukan oleh kemahiran memasarkan aset-aset tersebut kepada bakal majikan. Kemahiran yang diterapkan terdiri daripada *hard skills* serta *soft skills*. Menurut Morison (2007) *hard skills* merujuk kepada kemahiran teknik dan kemahiran vokasional yang menjadi asas kepada sesuatu bidang pekerjaan, dan kemahiran teknik dan vokasional yang khusus kepada suatu sub-bidang pekerjaan. Sebagai contoh dalam bidang pekerjaan juruteknik kenderaan yang memerlukan *hard skills* seperti membuka dan mengetatkan skru, kebolehan dalam menyelenggara kenderaan serta menggunakan aplikasi-aplikasi komputer yang berasaskan teknologi penyelenggaraan kenderaan. Dalam gugusan *hard skills* pula, seseorang juruteknik kenderaan adalah kemahiran dalam matematik, kepetahan berbahasa Malaysia atau bahasa-bahasa antarabangsa yang lain serta mempunyai pengetahuan dalam kemahiran ICT.

2. Isu

Dalam memenuhi hasrat meningkatkan ekonomi dalam rantai nilai untuk menjadi ekonomi berpendapatan tinggi, Malaysia mesti menambah enrolmen dalam bidang teknikal dan vokasional atau lebih dikenali sebagai TVET (Technical Vocational Education & Training) dan meningkatkan kualiti latihan secara keseluruhan. Transformasi TVET perlu bagi meningkatkan nilai pasaran kerja pelajar dan melonjakkan TVET agar setaraf dengan negara maju (Mohd Jalil Ahmad et al, 2015). TVET di Malaysia juga perlu melalui perubahan besardengan segera kerana jika tidak dilakukan, negaradikhuatiri menjadi tidak kompeten di peringkat global dan akan terus ketinggalan. Oleh yang demikian, kerajaan mempunyai sebab konkrit dalam meningkatkan bidang TVET supaya dilihat sebagai satu bidang pendidikan utama negara. Melalui pembelajaran sepanjang hayat setiap individu di negara ini mempunyai peluang untuk memperoleh pengetahuan serta kemahiran secara berterusan (Nur Angriani Nurja et al, 2014).

Kolej Komuniti merupakan sebuah institusi yang menyediakan keperluan latihan dan kemahiran dalam bidang TVET kepada semua peringkat samada secara formal ataupun tidak formal. Empat kumpulan sasaran telah dikenalpasti sebagai pelajar atau peserta dalam pelaksanaan program pembelajaran sepanjang hayat di kolej komuniti. Empat kumpulan sasaran ini adalah terdiri daripada pelajar lepasan menengah yang berhasrat dan berpotensi untuk meningkatkan pencapaian akademik, komuniti setempat yang mempunyai kekurangan dari segi pengetahuan yang berkualiti, pekerja mahir yang ingin mempelajari pelbagai kemahiran baru serta meningkatkan kemahiran yang sedia ada dan yang terakhir adalah daripada pihak profesional yang serba kekurangan masa untuk mengikuti kursus sepenuh masa tetapi ingin memajukan kerjaya mereka masing-masing (Nur Angriani et al, 2014). Lantaran itu, pengkaji memberi penekanan kepada para pelajar sepenuh masa yang berada dalam semester akhir untuk menjadi responden dalam kajian ini untuk melihat

sejauhmana kesiapan dalam pembelajaran sepanjang hayat selepas menamatkan pengajian di Kolej Komuniti Tawau, Sabah.

2.1 Sorotan Kajian Lepas

Chen et al. (2013) telah menjalankan kajian tentang keperluan pembelajaran sepanjang hayat ke atas 356 responden yang terdiri daripada pelajar-pelajar jurusan kejuruteraan dari beberapa universiti tempatan di bahagian barat negara Amerika Syarikat dengan menggunakan soal selidik Kirby et al. (2010). Dapatan menunjukkan bahawa wujud signifikan antara kepentingan pembelajaran sepanjang hayat dengan keupayaan menyesuaikan diri dengan pelbagai situasi serta strategi pembelajaran. Di samping itu, keputusan kajian turut menunjukkan bahawa pelajar lelaki mempunyai keyakinan yang tinggi dalam pembelajaran sepanjang hayat berbanding pelajar wanita.

Barros et al. (2013) melaksanakan kajian tentang hubungan pendekatan pembelajaran dengan kesiapan pembelajaran sepanjang hayat dengan menggunakan *Lifelong Learning Questionnaire* (Kirby et al., 2010). Seramai 163 orang responden terlibat dalam kajian ini yang merupakan pelajar-pelajar *Open University* di Lisbon, Portugal. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara pendekatan pembelajaran dengan kesiapan pembelajaran sepanjang hayat. Hal ini adalah disebabkan kesiapan responden akan menjadi penting pembelajaran sepanjang hayat selepas menamatkan pendidikan formal di universiti. Di samping itu, responden mempunyai nilai arah sendiri (self-direction) yang tinggi dalam menetapkan matlamat serta meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam kesiapan pembelajaran sepanjang hayat selepas tamat pengajian peringkat pendidikan tinggi.

Mai Shihah Abdullah (2014) dalam kajiannya telah memberi fokus kepada kesiapan pembelajaran sepanjang hayat di kalangan guru pelatih dari Institut Pendidikan Guru, Kampus Kota Bahru. Seramai 63 orang responden telah dipilih untuk terlibat dengan kajian ini yang merupakan guru pelatih bagi opsyen Sains. Dapatan kajian menunjukkan bahawa 64.7% responden berada dalam tahap kesiapan yang sederhana untuk pembelajaran sepanjang hayat. Kajian ini menyimpulkan bahawa responden perlu mendapat pendedahan tentang pembelajaran sepanjang hayat untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran selepas tamat pengajian.

3. Tujuan

Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk melihat sejauh mana kesiapan pembelajaran sepanjang hayat di kalangan pelajar semester akhir (sesi Mac 2017) di Kolej Komuniti Tawau, Sabah selepas tamat pengajian. Berikut merupakan tujuan utama pengkaji melaksanakan kajian ini;

- i. Mengenal pasti tahap kesiediaan pembelajaran sepanjang hayat di kalangan pelajar.
- ii. Melihat hubungan antara tahap kesiediaan pembelajaran sepanjang hayat dengan gender di kalangan pelajar.
- iii. Melihat perbezaan tahap kesiediaan pembelajaran sepanjang hayat di kalangan pelajar mengikut gender.

Kajian ini ingin melihat tahap kesiediaan pembelajaran sepanjang hayat di kalangan pelajar serta hubungannya dengan faktor gender dan kaum. Persoalan kajian ini adalah seperti berikut;

- i. Apakah tahap kesiediaan pembelajaran sepanjang hayat di kalangan pelajar?
- ii. Adakah wujud hubungan antara tahap kesiediaan pembelajaran sepanjang hayat dengan gender di kalangan pelajar?
- iii. Adakah wujud perbezaan tahap kesiediaan pembelajaran sepanjang hayat di kalangan pelajar mengikut gender?

Berdasarkan kepada tujuan kajian dan kajian lepas, pengkaji ingin melihat tahap kesiediaan pembelajaran sepanjang hayat di kalangan pelajar Kolej Komuniti Tawau, Sabah. Antara hipotesis kajian ini ialah;

H1: Terdapat perbezaan tahap kesiediaan pembelajaran sepanjang hayat di kalangan pelajar mengikut gender.

4. Metod

Kajian yang dijalankan berbentuk kajian tinjauan (survey research) yang melibatkan pengumpulan maklumat daripada responden melalui borang kaji selidik. Selain itu, pengkaji memilih reka bentuk kajian tinjauan dengan menggunakan soal selidik untuk memudahkan pengkaji mendapatkan kerjasama daripada responden. Pendekatan yang digunakan untuk kajian ini adalah dalam bentuk kuantitatif. Data yang diperolehi ialah untuk melihat hubungan atau korelasi pemboleh ubah seperti gender, tahap kesiediaan pembelajaran sepanjang hayat, dan kaum di kalangan pelajar. Reka bentuk kajian tinjauan dipilih setelah pengkaji menimbang permasalahan seperti kekangan masa kerana kajian ini perlu disiapkan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Di samping itu, pengkaji tidak memilih reka bentuk kajian eksperimental kerana kajian ini tidak melibatkan program intervensi iaitu *pre-test* dan *post-test*. Hal ini adalah disebabkan aspek yang ditinjau merupakan tahap kesiediaan pembelajaran sepanjang hayat di kalangan pelajar Kolej Komuniti Tawau, Sabah. Lantaran itu, penggunaan soal selidik adalah sesuai kerana lebih mudah untuk ditadbir dan data yang diperolehi akan dianalisis secara sistematik.

4.1 Persampelan

Sampel kajian terdiri daripada 71 orang pelajar semester akhir yang sedang mengikuti program Sijil Kolej Komuniti (SKK) dalam bidang Pemasangan Elektrik, Sistem Komputer dan Rangkaian dan Servis Kenderaan Ringan di Kolej Komuniti Tawau, Sabah bagi sesi pengajian Mac 2017. Pengkaji telah menggunakan kaedah persampelan mudah (convenience sampling procedure) dalam kajian ini. Pengkaji mengedarkan soal selidik tersebut di dalam kelas dan juga di sekitar kawasan kolej.

4.2 Instrumen kajian

Instrumen kajian yang dipilih untuk kajian ini terdiri daripada satu set soal selidik yang mengandungi dua bahagian iaitu Bahagian A berkaitan biodata responden, dan Bahagian B menggunakan alat ukur *Lifelong Learning Questionnaire* (Kirby et al., 2010). Instrumen ini telah diterjemah dan diadaptasi mengikut keperluan dan objektif kajian. Kaedah *back-to-back translation* telah digunakan untuk mengesahkan terjemahan. Di samping itu, kajian rintis untuk menguji kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik ini telah dilaksanakan oleh T. Subahan Mohd Meerah et al. (2011) bagi melihat sejauh mana instrument ini mengukur tahap kesiapan pembelajaran sepanjang hayat dalam konteks Malaysia. Set soal selidik ini menggunakan dwi bahasa iaitu bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris untuk memberi keselesaan kepada responden semasa menjawab item-item tersebut. Berikut merupakan 14 item soal selidik;

- i) Saya suka orang lain merancang pembelajaran saya
- ii) Saya suka masalah yang mempunyai satu penyelesaian sahaja
- iii) Saya boleh menyelesaikan masalah yang timbul secara tiba-tiba
- iv) Saya rasa tidak selesa dalam keadaan yang tidak pasti
- v) Saya mampu memberi makna pada sesuatu yang dianggap sebagai gangguan
- vi) Saya jarang berfikir tentang pembelajaran saya dan kaedah untuk memperbaikinya
- vii) Saya rasa saya boleh belajar sendiri
- viii) Saya rasa orang lain mempunyai kedudukan lebih baik daripada saya dalam menilai kejayaan saya sebagai seorang pelajar
- ix) Saya suka pembelajaran yang mempunyai tujuan tertentu
- x) Saya cuba untuk menghubungkan pembelajaran akademik dengan isu praktikal
- xi) Saya sukar untuk mencari maklumat yang diperlukan
- xii) Saya cuba untuk menghubungkan pendekatan baru dengan pengetahuan yang saya ada
- xiii) Saya bertanggungjawab dengan apa yang saya pelajari di sekolah
- xiv) Saya memberi fokus kepada perkara-perkara terperinci berbanding gambaran keseluruhan apabila mempelajari sesuatu yang baru

Soal selidik *Lifelong Learning Questionnaire* (Kirby et al., 2010) ini mengandungi 14 item yang dibahagikan kepada 5 trait/dimensi untuk mengukur tahap kesiapan pembelajaran sepanjang hayat. Kirby et al. (2010) membangunkan alat ukur ini untuk mengukur kesiapan para pelajar bagi melibatkan diri dalam pembelajaran sepanjang hayat selepas tamat pengajian peringkat pendidikan tinggi. Tempoh masa yang diberikan kepada responden untuk menjawab LLQ ini antara 5-10 minit. *Lifelong Learning Questionnaire* (Kirby et al., 2010) merupakan alat ujian yang ringkas, mudah ditadbir kerana hanya mempunyai 14 item dan tidak membosankan responden yang menjawabnya. Alat ukur *Lifelong Learning Questionnaire* (Kirby et al., 2010) ini mempunyai 14 item yang menggunakan 5 skala Likert iaitu;

- i) Sangat setuju (strongly agree)
- ii) Setuju (agree)
- iii) Neutral
- iv) Tidak setuju (disagree)
- v) Sangat tidak setuju (strongly disagree)

Skor keseluruhan responden akan diperolehi dengan menjumlahkan nilai markah selepas melakukan *reverse-scoring* bagi item-item negatif. Jadual 1 menunjukkan item soal selidik mengikut 5 dimensi dan skor pemarkahan dan *Lifelong Learning Questionnaire* (Kirby et al., 2010):

Jadual 1: Item soal selidik mengikut trait/dimensi

Trait/Dimensi	No. item	Pernyataan item	Kod skor
i) Menetapkan matlamat	1	Saya suka orang lain merancang pembelajaran saya	r
	6	Saya jarang berfikir tentang pembelajaran saya dan kaedah untuk memperbaikinya	r
	7	Saya rasa saya boleh belajar sendiri	+
	9	Saya suka pembelajaran yang mempunyai tujuan tertentu	+
	14	Saya memberi fokus kepada perkara-perkara terperinci berbanding gambaran keseluruhan apabila mempelajari sesuatu yang baru	r
ii) Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran yang bersesuaian	5	Saya mampu memberi makna pada sesuatu yang dianggap sebagai gangguan	+
	10	Saya cuba untuk menghubungkan pembelajaran akademik dengan isu praktikal	+
	12	Saya cuba untuk menghubungkan pendekatan baru dengan pengetahuan yang saya ada	+
iii) Menentukan arah sendiri	8	Saya rasa orang lain mempunyai kedudukan lebih baik daripada saya dalam menilai kejayaan saya sebagai	r

		seorang pelajar		
		13	Saya bertanggungjawab dengan apa yang saya pelajari di sekolah	+
iv)	Pencarian maklumat	11	Saya sukar untuk mencari maklumat yang diperlukan	r
		2	Saya suka masalah yang mempunyai jawapan	r
v)	Adaptasi strategi pembelajaran	3	Saya boleh menyelesaikan masalah yang timbul secara tiba-tiba	+
		4	Saya rasa tidak selesa dalam keadaan yang tidak pasti	r

$r = \text{negatif}$

$+ = \text{positif}$

Sumber: Kirby et al. (2010)

5. Dapatan

Data-data mentah yang telah diperolehi disemak semula untuk memastikan tiada maklumat yang tertinggal dalam soal selidik yang dijawab oleh responden. Data dan maklumat diproses menggunakan program *IBM SPSS Statistics 20*. Data dianalisis dengan menggunakan kaedah asas statistik iaitu statistik deskriptif dan statistik inferensi. Statistik deskriptif akan digunakan untuk menghuraikan ciri-ciri pembolehubah manakala statistik inferensi yang akan digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini ialah analisis ujian-*t* sampel bebas dan ujian kolerasi Pearson untuk menguji hipotesis yang dibentuk. Pekali kolerasi Pearson digunakan untuk melihat hubungan antara faktor dan ujian-*t* sampel bebas digunakan untuk melihat perbezaan antara pembolehubah. Ketekalan dalaman alat ukur *Lifelong Learning Questionnaire* (Kirby et al., 2010) diuji dengan menggunakan kaedah pekali alfa Cronbach. Kaedah pekali alfa Cronbach digunakan kerana alat ukur ini mempunyai lima pilihan jawapan yang menggunakan skala Likert. Jadual 2 menunjukkan keputusan ketekalan dalaman alat ukur *Lifelong Learning Questionnaire* (Kirby et al., 2010) iaitu $\alpha=0.538$ berdasarkan maklum balas responden ($N=71$) terhadap 14 item dalam alat ukur ini.

Jadual 2: Ketekalan dalaman alat ukur *Lifelong Learning Questionnaire* ($N=71$)

	Bil. item	Pekali Kebolehpercayaan
<i>Lifelong Learning Questionnaire</i> (Kirby et al., 2010)	14	0.538

Jadual 3 menunjukkan maklumat demografi responden yang telah menjawab soal selidik *Lifelong Learning Questionnaire* (Kirby et al., 2010).

Jadual 3: Demografi responden (N=71)

		N	%
<u>Jantina</u>			
1.	Lelaki	49	69.01
	Perempuan	22	30.99
<u>Keturunan</u>			
2.	Melayu	24	33.8
	Cina	6	8.5
	Bumiputera Sabah	41	57.7
<u>Program pengajian</u>			
3.	Sijil Sistem Komputer & Rangkaian	36	50.7
	Sijil Pemasangan Elektrik	18	25.4
	Sijil Servis Kenderaan Ringan	17	23.9

Dapatan keputusan kajian dalam Jadual 4 menunjukkan kategori markat mengikut tahap kesiediaan pembelajaran sepanjang hayat.

Jadual 6: Profil markat mengikut tahap kesiediaan pembelajaran sepanjang hayat

Tahap kesiediaan pembelajaran sepanjang hayat	Kekerapan	Peratus (%)
Tinggi	55	77.5
Sederhana	16	22.5
Rendah	-	-
Jumlah	71	100.0

Berdasarkan keputusan di atas, dapat dilihat di sini bahawa seramai 16 orang (22.5%) responden yang mempunyai tahap kesiediaan pembelajaran sepanjang hayat adalah sederhana berbanding 55 orang (77.5%) responden yang mempunyai tahap kesiediaan pembelajaran sepanjang hayat yang tinggi. Justeru, keputusan dapatan kajian ini menunjukkan bahawa majoriti responden cenderung mempunyai tahap kesiediaan pembelajaran sepanjang hayat yang tinggi berbanding tahap sederhana dan rendah.

Jadual 5: Tahap kesiediaan pembelajaran sepanjang hayat mengikut gender

	Tinggi	Peratus (%)	Sederhana	Peratus (%)	Jum
Lelaki	36	65.5	13	81.3	49
Perempuan	19	34.5	3	18.7	22
Keseluruhan	55	100.0	16	100.0	71

Jadual 5 menunjukkan perbandingan tahap kesiediaan pembelajaran sepanjang hayat mengikut gender. Berdasarkan keputusan tersebut, seramai 13 orang (81.3%) responden lelaki dan 3 orang (18.7%) responden perempuan yang mempunyai tahap kesiediaan pembelajaran sepanjang hayat sederhana. Seterusnya, seramai 19 orang (34.5%) responden perempuan dan 36 orang (35.5%) responden lelaki yang mempunyai tahap kesiediaan pembelajaran sepanjang hayat tinggi. Berdasarkan kepada

keputusan pada Jadual 6, markat min dan sisihan piawai keseluruhan adalah 41.11 serta 1.65.

Jadual 6: Markah min dan sisihan piawai keseluruhan

N = 71			
Markat min	Sisihan piawai	Minimum	Maksimum
41.11	1.65	37	45

Statistik inferensi ini akan membincangkan hasil kajian berdasarkan hipotesis kajian. Melalui statistik inferensi ini, pengkaji ingin melihat hubungan pembolehubah gender, dan kaum dengan tahap kesiediaan pembelajaran sepanjang hayat di kalangan pelajar semester akhir Kolej Komuniti Tawau, Sabah. Kaedah korelasi Pearson telah digunakan bagi melihat hubungan tersebut. Selain itu kajian ini ingin melihat perbezaan pembolehubah dengan aspek demografi responden. Oleh itu, kaedah analisis ujian-*t* sampel bebas dan analisis varian sehalu (ANOVA) digunakan bagi mendapat hasil perbezaan yang diinginkan.

Hubungan antara tahap kesiediaan pembelajaran sepanjang hayat dengan gender di kalangan pelajar diukur menggunakan korelasi Pearson. Berdasarkan Jadual 7, terdapat hubungan yang lemah antara tahap pembelajaran sepanjang hayat dengan gender ($r=0.143$, $N=71$, $p<0.01$). Keputusan analisis menunjukkan bahawa wujud hubungan antara tahap kesiediaan pembelajaran sepanjang hayat dengan gender di kalangan pelajar Kolej Komuniti Tawau, Sabah. Keputusan ini seiring dengan dapatan kajian berskala besar oleh Nummela et al. (2008) melibatkan 2,815 responden yang di Finland. Dapatan kajian menunjukkan bahawa wujud hubungan antara tahap kesiediaan pembelajaran sepanjang hayat dengan gender. Pengkaji mendapati faktor-faktor seperti kawalan sendiri, sikap dan sokongan sosial memainkan peranan penting untuk meningkatkan kesiediaan pembelajaran sepanjang hayat selepas tamat pengajian formal peringkat pendidikan tinggi.

Jadual 7: Hubungan antara tahap kesiediaan pembelajaran sepanjang hayat diri dengan gender (N=71)

		Kesiediaan PSH	Gender
Kesiediaan PSH	<i>Pearson Correlation</i>		0.143
Gender	<i>Pearson Correlation</i>	0.143	

α = 0.01

H1: Terdapat perbezaan tahap kesiediaan pembelajaran sepanjang hayat di kalangan pelajar mengikut gender

Perbandingan markat tahap kesiediaan pembelajaran sepanjang hayat mengikut gender diukur menggunakan analisis ujian-*t* sampel bebas. Jadual 8 menunjukkan tidak terdapat perbezaan tahap kesiediaan pembelajaran sepanjang hayat di kalangan pelajar mengikut gender ($t_{(71)} = 7.178$ *p-value* $0.235 > 0.05$). Justeru, hipotesis ini ditolak kerana markat min pelajar lelaki dan perempuan tidak menunjukkan perbezaan tahap kesiediaan pembelajaran sepanjang hayat. Dapatan kajian ini selari dengan keputusan kajian penyelidikan oleh Chen et al. (2013) ke atas 356 responden yang terdiri daripada pelajar jurusan kejuruteraan di beberapa universiti di Amerika Syarikat. Data analisis menunjukkan bahawa tiada perbezaan antara tahap kesiediaan pembelajaran sepanjang hayat dengan gender. Hal ini adalah disebabkan oleh perbezaan sokongan sosial yang diterima oleh responden daripada ahli keluarga dan mereka yang mempunyai hubungan signifikan.

Jadual 8: Analisis ujian-*t* sampel bebas perbezaan tahap kesiediaan pembelajaran sepanjang hayat mengikut gender

	N	Markat min	Sisihan piawai	<i>t</i>	<i>p</i> -
Lelaki	49	2.27	0.47	7.17	0.235
Perempuan	22	2.14	0.35	8	

$\alpha = 0.05$

6. Kesimpulan

Setiap pelajar mempunyai keupayaan atau kecerdasan yang pelbagai dalam meningkatkan kemahiran dan pengetahuan sendiri. Chen et al. (2013) menyatakan bahawa tahap kesiediaan pembelajaran sepanjang hayat antara pelajar lelaki dan perempuan adalah setara dan ini bersesuaian dengan dapatan kajian yang menunjukkan tiada perbezaan tahap kesiediaan pembelajaran sepanjang hayat dengan gender responden. Para pelajar lepasan kolej komuniti ini mempunyai harapan dan jangkauan yang tinggi terhadap kursus yang sedang mereka ikuti di mana mereka menjangkakan setelah mengikuti kursus di kolej komuniti mereka mampu mencapai masa depan yang lebih terjamin (M.H Muhammad, 2008). Di samping itu, tidak dinafikan bahawa skop kajian agak terhad kerana hanya melibatkan sampel dari Kolej Komuniti Tawau, Sabah sahaja. Penambahbaikan dari aspek persampelan perlu dilakukan dengan memperluaskan skop kajian supaya lebih ramai subjek kajian yang dilibatkan dalam kajian seumpama ini. Persampelan yang lebih besar berkemungkinan akan membentuk taburan yang normal. Seperti yang

diketahui, sebarang data outliers yang ada tidak mempengaruhi analisis data secara signifikan bagi sampel yang besar.

Rujukan

John C. Chen, Susan M. Lord & Karen J. McGaughey. (2013). Engineering student's development as lifelong learners. 120th ASEE Annual Conference & Exposition 2013.

Kirby, J.R. Knapper, C., Lamon, P., & Egnatoff, W.J. (2010). Development of a scale to measure lifelong learning. *International Journal of Lifelong Education*, 29(3), 291-302.

Mai Shihah Abdullah & Norman Mat Nor (2014). Tahap kesiapan pembelajaran pantauan sendiri bagi guru pelatih opsyen Sains di Institut Pendidikan Guru, kampus Kota Bharu. *Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia*, 4, No. 2.

Malaysia. (2010). Rancangan Malaysia Kesepuluh 2011-2015. Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya.

M.H Mohamad A., M.A Radzali & F.Azhar. (2008). Aspirasi Kerjaya Di Kalangan Pelajar Kolej Komuniti. Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008, Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Jalil Ahmad, Norhisham Jalani & Annas Akhmal Hasmori. (2015). TVET di Malaysia: Cabaran dan Harapan. Seminar Kebangsaan Majlis Dekan-dekan Pendidikan Awam 2015.

Nummela O., Sulander T., Rahkonen O., Karisto A. & Uutela A. (2008) Social participation, trust and self-rated health: a study among ageing people in urban, semi-urban and rural settings. *Health Place*, 14 (2), 243-253.

Nur Angriani Nurja, Mohd. Zulhasnan Mat & Chang V.S. Wilson. (2014). Peranan pembelajaran sepanjang hayat dalam memperkaya pemerolehan kemahiran terhadap masyarakat setempat di Kolej Komuniti. *Prosiding Seminar Pembelajaran Sepanjang Hayat*, 134-141.

Rita Barros, Angelica Monteiro, Fouad Nehmedinne & Jose Antonio Moreira. (2013). The relationship between student's approach to learning and lifelong learning. *Journal Psychology*, 4 (11), 792-797.

T. Subahan Mohd Meerah, Denise Koh Choon Lian, Kamisah Osman, Effandi Zakaria, Zanaton Haji Iksan & Tuan Mastura Tuan Soh. (2011). Measuring Life-long Learning in the Malaysian Institute of Higher Learning

Context. *Procedia Social and Behavioral Sciences*, 18 (2011), 560–564.